

PENGGUNAAN KAD JAHIT BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN JAHITAN ASAS

Azizah Binti Asar¹ & Prof.Madya Dr Halizah Awang²

¹Sekolah Kebangsaan LKTP Tenggara Selatan

²Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia

jjjah_44@yahoo.com.my

halizah@uthm.edu.my

Abstrak

Kajian ini adalah tentang penggunaan kaedah KAD JAHIT dalam pengajaran dan pembelajaran Reka bentuk dan Teknologi . KAD JAHIT adalah kertas manila kad yang telah ditebuk untuk membentuk lubang-lubang yang sebaris sama saiz. Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menjahit jahitan mata asas iaitu jahitan kia , jahitan jelujur kasar dan jelujur halus dengan menggunakan kaedah KAD JAHIT dan juga memperbaiki amalan pengajaran dan pembelajaran guru. Secara khususnya pula adalah untuk memastikan 100% pelajar dapat menghasilkan jahitan asas . Seramai 12 orang pelajar Tahun 4 yang terdiri daripada 8 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan terlibat dalam kajian ini. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui penelitian dokumen dan soal selidik. Hasil tinjauan menunjukkan murid-murid mengalami kesukaran untuk menghasilkan jahitan asas kerana kali pertama mempelajari kemahiran menjahit , di samping mempunyai perasaan takut dan bombing sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Setelah mengaplikasikan kaedah KAD JAHIT , didapati pelajar memberikan lebih tumpuan terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan 90% pelajar mendapat gred A.

Kata Kunci : Kad Jahit

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN.

Saya telah melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bidang Sains dan rumahtangga . Kemahiran yang saya pilih adalah kemahiran menjahit mata jahitan asas.Pembelajaran akan berjalan dengan lancar, menarik dan berkesan sekiranya guru menggunakan pelbagai kaedah yang bersesuaian dengan isi pelajaran dan kemahiran yang akan dicapai oleh murid (Mohamad Johdi, 2007).Setelah penerangan diberikan , seterusnya adalah dengan menggunakan kaedah tunjuk cara atau demonstrasi. Saya mulakan dengan satu dahulu mata jahitan iaitu jahitan kia. Setelah selesai jahitan kia , saya meneruskan dengan jahitan jelujur kasar dan jelujur halus. Hasil daripada pemerhatian saya , saya dapati

1. Murid mengambil masa yang lama untuk menghasilkan jahitan
2. Hasil jahitan murid tidak kemas
3. Hasil jahitan murid tidak menepati kehendak objektif pengajaran.
4. Terdapat 2 orang murid gagal dalam menghasilkan jahitan

2.0 FOKUS KAJIAN.

Subjek kajian dalam tindakan adalah murid tahun 4 Intelek yang terdiri daripada 12 orang murid Sekolah Kebangsaan Tenggara Selatan. Tinjauan awal untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi murid dalam pembelajaran kemahiran tersebut telah dijalankan dengan

menganalisis hasil kerja murid iaitu menjahit jahitan kia , jahitan jelujur kasar dan jelujur halus di atas kain kapas. Hasil kerja murid dianalisis dan diberi markah . Selain daripada itu, soal selidik murid juga digunakan bagi meninjau pandangan murid terhadap pengajaran guru. Berdasarkan hasil kerja tersebut , murid tidak dapat menghasilkan jahitan dengan kemas dan sempurna serta tidak menepati kehendak objektif pengajaran. Kajian ini sangat penting supaya murid dapat menguasai kemahiran jahitan . Selain daripada itu kemahiran menjahit ini murid dapat mengaplikasikan dalam kehidupan seharian

Di antara sebab murid gagal dalam menghasilkan jahitan adalah seperti berikut :

1. Kemahiran menjahit adalah kemahiran yang baru bagi murid.
2. Murid tiada pengalaman menjahit. Sebilangan besar dari mereka , ini kali pertama memegang jarum.
3. Penggunaan kain cotton , sangat lembut untuk murid memulakan jahitan.
4. Tidak dapat membezakan jelujur kasar dengan jelujur halus.

Setelah mengenal pasti kelemahan murid , satu kajian akan dijalankan bagi membantu subjek kajian dalam meningkatkan pencapaian dan kefahaman mereka. Di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dan seronok. Saya mencadangkan satu tindakan dengan penggunaan bahan bantu mengajar iaitu "Kad Jahit".

3.0 OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini mempunyai objektif sebagai garis panduan yang akan menentukan fokus serta hala tuju kajian ini sendiri. Objektif kajian terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

3.1 Objektif Umum.

Inovasi Bahan Bantu Mengajar Model Kad Jahit dapat meningkatkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam pelaksanaan amali jahitan tanpa kebergantungan dengan bahan maujud sedia ada.

3.2 Objektif Khusus.

Objektif khusus kajian ini adalah :

- a) Memastikan 100% murid dapat menghasilkan jahitan asas iaitu jahitan kia , jahitan jelujur kasar dan jelujur halus dari aspek tepat , kemas dan teliti
- b) Mengenalpasti persepsi murid terhadap aplikasi inovasi Kad Jahit dalam pelaksanaan tunjuk cara amali jahitan.

4.0 KUMPULAN SASARAN.

Kumpulan sasaran terdiri daripada 4 orang murid perempuan dan 8 orang murid lelaki tahun 4 Intelek. Semua murid terdiri daripada kaum Melayu sahaja. Saya mengambil keputusan menjalani kajian ke atas semua murid kerana bilangan murid yang tidak ramai dan kaedah menjahit menggunakan kad jahit memberi faedah kepada semua murid.

5.0 JADUAL PELAKSANAAN TINDAKAN.

Kajian ini telah dilaksanakan selama 4 bulan bermula dari 18 Januari 2017 hingga 31 Mei 2017. Bagi pelaksanaan kajian ini memerlukan 2 sesi pengajaran dalam tajuk kemahiran menjahit jahitan asas. Kajian ini melibatkan seorang pengkaji iaitu guru dan 12 orang murid. Sebagai sampel kajian. Jadual 5.1 menunjukkan jadual pelaksanaan aktiviti yang dirancang dalam kajian penyelidikan tindakan.


Jadual 1 : Jadual Pelaksanaan Kajian Tindakan.

BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
1	Mengenal pasti masalah dan pengumpulan data awal: 1.1. Membuat penelitian dokumen hasil kerja murid. 1.2. Mereka bentuk soalan soal selidik 1.3. Mengedarkan soal selidik kepada murid dan mengumpul semula selepas 10 minit. 1.4. Mengumpul maklumat dengan menggunakan penelitian dokumen.	18 Januari 2017 19 Januari 2017 24 Januari 2017 27 Januari 2017
2	Analisis Data tinjauan Awal 2.1.Menganalisis, merekod dan melapor penelitian dokumen pra – bilangan dan peratus yang menghasilkan kerja dengan baik. 2.2. Menganalisis data soal selidik – menentukan nilai min bagi mengukur minat/persepsi murid pada kemahiran menjahit dan bilangan serta peratus bagi setiap kategori skala. 2.3. Melaporkan dapatan analisis data soal selidik dalam Jadual.	31 Januari 2017 2 Februari 2017 4 Februari 2017
3	Menulis proposal kajian 3.1. mendapatkan format penulisan proposal 3.2. perbincangan bersama rakan sekelas 3.3. mencari maklumat menggunakan laman wed	5 Februari 2017 7 Februari 2017 8 Februari 2017
4	Merancang tindakan 4.1. Menyediakan Jadual Pelaksanaan. 4.2. Menyediakan Alat Bantu Mengajar dan persediaan untuk menjalankan kajian kaedah pengajaran “Kad Jahit”	10 Februari 2017 11 Februari 2017
5	Pelaksanaan tindakan – Aktiviti 1 5.1.Aktiviti 1 – Guru menerangkan penggunaan Kad Jahit 5.2. Aktiviti 2 – Murid menghasilkan jahitan kia berdasarkan manual yang diberikan. 5.3 Aktiviti 3 - Murid menghasilkan jahitan jelujur halus berdasarkan manual yang diberikan. 5.4 Aktiviti 4 - Murid menghasilkan jahitan jelujur halus berdasarkan manual yang diberikan.	15 Februari 2017
6	Ujian untuk mengesan pencapaian murid 6.1 Penelitian dokumen – mengumpul data penelitian dokumen 6.2 Soal selidik – mengumpul soal selidik	24 Mac 2017
7	Membincangkan masalah yang timbul dalam Aktiviti 7.1 Memperbaiki alatan jahitan yang digunakan.	25 Mac 2017
8	Menganalisis Data Dapatan Kajian 8.1.Menganalisis dan merekodkan data 8.2.Menganalisis dan merekodkan data soal selidik 8.3.Menyediakan jadual dan pelaporan hasil analisis data	26 Mac 2017 27 Mac 2017 28 Mac 2017

9	Refleksi Kajian 9.1.Menggabungkan rekod Tinjauan Awal dan dapatan Kajian. 9.2.Menulis refleksi kajian dan membuat cadangan	1 April 2017 3 April 2017
10	Menulis laporan kajian 10.1.Mengemas kini laporan - <i>editing</i> , memastikan isi kandungan, rujukan dan lampiran dilengkapkan	10 April 2017
11	Menjilid laporan dan bersedia untuk dihantar	7 Jun 2017

6.0 PELAKSANAAN TINDAKAN.

Setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh subjek kajian , langkah seterusnya adalah merancang untuk melaksanakan tindakan. Sebelum melaksanakan tindakan perlu merancang langkah-langkah dalam pelaksanaan kajian sepanjang tempoh kajian dijalankan. Jadual pelaksanaan kajian sangat penting kerana ia menyatakan langkah-langkah tindakan secara sistematik yang perlu diambil agar pelaksanaan kajian dapat dilaksanakan dengan jaya dan memperolehi keputusan yang tepat. Selain daripada itu jadual pelaksanaan ini juga sebagai garis panduan semasa melaksanakan kajian. Rajah 6.1 adalah carta alir perancangan pelaksanaan kajian tindakan yang dilaksanakan



Rajah 1 : Carta Alir pelaksanaan Tindakan

6.1 Tinjauan Awal Masalah.

6.1.1 Penelitian Dokumen.

Penelitian dokumen digunakan untuk meneliti hasil kerja yang dilakukan oleh murid. Cara ini digunakan untuk menyokong dapatan sedia ada yang telah diperolehi melalui alat kajian lain. Item senarai semak digunakan untuk memperolehi data daripada penelitian dokumen. Senarai semak ini akan memudahkan saya untuk melihat pencapaian murid dalam menghasilkan jahitan. Saya menyediakan 3 senarai semak iaitu senarai semak untuk jahitan kia , jahitan jelujur kasar dan jahitan jelujur halus.

Setelah murid selesai menghasilkan jahitan , saya mentafsir hasil kerja murid dengan memberi 4 kategori iaitu baik , sederhana, lemah dan gagal. Taksiran hasil kerja murid adalah berdasarkan jarak setiap mata jahitan dan kekemasan jahitan. Berdasarkan data daripada item senarai semak di atas, saya akan dapat mengklasifikasikan kedudukan murid mengikut tahap kelemahan yang ada pada murid itu. Selain daripada itu saya juga mengambil kira tempoh masa yang diambil oleh seorang murid dalam menghasilkan jahitan . Untuk kebolehpercayaan taksiran, saya meminta ketua panitia Reka Bentuk dan Teknologi iaitu Cik Nurfarahim Zaid untuk menyemak hasil kerja murid dengan menggunakan senarai semak yang diberikan. Taksiran daripada Cik Nurfarahim adalah sama dengan taksiran saya.

6.1.2 Soal Selidik.

Borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada pelajar untuk mendapatkan maklum balas pelajar berkenaan kemahiran menjahit mata asas, sebelum dan selepas Teknik Kad Jahit diperkenalkan . Berdasarkan makluman tinjauan awal ini , maka saya mengambil peluang untuk menggunakan Kad Jahit bagi mengatasi masalah murid yang tidak dapat menjahit jahitan mata asas dengan tepat dan kemas. Saya menyediakan 2 set soal selidik sebelum dan selepas penggunaan Kad Jahit adalah untuk mencari perbandingan dan berkesan penggunaan Kad Jahit. Selain daripada itu , soal selidik ini juga dapat membantu memberi maklumat mengenai tahap pengetahuan murid terhadap kemahiran asas menjahit.

6.2 Analisis Tinjauan Masalah.

Analisis tinjauan awal ini dilaksanakan setelah selesai proses pengumpulan dan perekodan maklumat dilakukan. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan soal selidik akan dianalisis untuk melihat sejauh mana tahap penguasaan murid terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran yang dipilih dan seterusnya akan dapat menentukan fokus terhadap kajian ini.

6.2.1 Penelitian Dokumen.

Setelah membuat analisis penelitian dokumen , hampir semua murid gagal dalam menghasilkan jahitan mata asas.

Jadual 2: Keputusan jahitan pelajar

Kategori	Bilangan Murid		
	jahitan kia	Jahitan jelujur kasar	Jahitan jelujur halus
Baik	0	1	0
Sederhana	2	2	1
Lemah	8	8	10
Gagal	2	1	1

6.2.2 Soal Selidik.

Saya telah menjalankan soal dengan semua murid tahun 4 Intelek. Berdasarkan hasil soal selidik ini, pengkaji telah membuat analisis. Hasil daripada soal selidik menyatakan murid menghadapi masalah dalam kemahiran menjahit. Mereka memerlukan satu inovasi bagi membantu murid mempertingkatkan kemahiran menjahit.


6.3 Tindakan Yang Dijalankan.

Saya melakukan tindakan berikut dalam mendapatkan hasil kajian:

- i. Saya menjalankan penelitian dokumen kepada para pelajar setelah selesai mengajar kemahiran menjahit jahitan asas.
- ii. Memperkenalkan Kad jahit pada sesi pengajaran 15 Februari 2017
- iii. Murid juga diminta berulang-ulang menjahit menggunakan "Kad Jahit".
- iv. Selepas itu, saya menjalankan penelitian dokumen apabila semua murid telah berjaya menghasilkan jahitan mata asas.
- v. Kemudian, saya membuat perbandingan antara hasil dapatan penelitian dokumen sebelum dan selepas menggunakan "Kad Jahit".

Kad Jahit adalah kad daripada kertas manila kad dengan pelbagai warna. Kertas manila kad ini ditebuk lubang dalam satu garisan. Kad ini digunakan oleh saya dengan tujuan untuk membantu murid menyelesaikan masalah hasil tugas jahitan asas yang tidak kemas.

6.3.1 Pelaksanaan tindakan



Rajah 2 : Contoh Kad Jahit.

6.4 Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran.

Refleksi ditakrifkan sebagai satu proses merenung, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk membaiki diri yang dilakukan secara berterusan (Hanipah dalam Mook Soon Sang, 2009). Guru menulis refleksi ke atas amalan diri sendiri dan murid-murid dari mula sehingga tamat proses pengajaran. Akhirnya, penilaian dilakukan pada hari berkenaan (Chow Fook Meng & Jaizah Mahamud, 2011). Penggunaan Kad Jahit memang mendatangkan kesan

yang positif terhadap murid-murid dalam menghasilkan jahitan asas yang kemas dan teliti. Transkrip temu bual antara saya dengan salah seorang peserta kajian seperti yang dinyatakan berikut menunjukkan Arash “sangat berpuas hati” dengan hasil kerja jahitan kia yang menggunakan Kad Jahit..

7.0 DAPATAN KAJIAN.

Melalui kajian yang dijalankan, peningkatan kemahiran menjahit jahitan asas didapati amat ketara. Punca-punca pelajar kurang menguasai objektif pengajaran dan pembelajaran sebelum kajian ini dilakukan dapat diatasi dengan tindakan yang dilakukan dalam kajian ini

7.1 Perbandingan Pemerhatian Sebelum dan Selepas Tindakan.

Jadual 3 : Perbandingan jahitan kia sebelum dan selepas penggunaan Kad Jahit.

Jahitan kia	Sebelum penggunaan Kad Jahit		Selepas penggunaan Kad Jahit	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Baik	0	0	10	83.3%
Sederhana	2	16.6%	2	16.6%
Lemah	8	66.6%		
Gagal	2	16.6%		

Jadual 4 : Perbandingan jahitan jelujur kasar

Jahitan jelujur kasar	Sebelum penggunaan Kad Jahit		Selepas penggunaan Kad Jahit	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Baik	1	8.3%	11	91.6%
Sederhana	2	16.6%	1	8.3%
Lemah	8	66.6%		
Gagal	1	8.3%		

Jadual 5 : Perbandingan jahitan jelujur halus sebelum dan selepas

Jahitan jelujur halus	Sebelum penggunaan Kad Jahit		Selepas penggunaan Kad Jahit	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Baik	0	0	11	91.6%
Sederhana	1	8.3%	1	8.3%
Lemah	10	83.3%		
Gagal	1	8.3%		

7.2 Perbandingan Soal Selidik Sebelum Dan Selepas Tindakan.

Perbandingan Soal Selidik Sebelum dan Selepas Penggunaan Kad Jahit

No	PERKARA		Sangat Tidak setuju		Tidak setuju		Tidak pasti		Setuju		Sangat setuju	
			BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
1	Sebelum	Saya minat menjahit	10	83.3	2	16.6						
	Selepas	Saya minat menjahit					2	16.6	5	41.6	5	41.6
2	Sebelum Kad jahit	Saya merasa yakin dan seronok menjahit	2	16.6	7	58.3	3	25				
	Selepas kad jahit	Saya merasa yakin dan seronok menjahit							4	33.6	8	65.3

3	Sebelum Kad jahit	Saya merasa takut ketika menjahit					2	16.6	5	41.6	5	41.6
	Selepas kad jahit	Saya merasa takut ketika menjahit	10	83.3	2	16.6						
4	Sebelum Kad jahit	Saya mengambil masa yang lama untuk menjahit							9	75	3	25
	Selepas kad jahit	Saya mengambil masa yang lama untuk menjahit	12	100								
5	Sebelum Kad jahit	Saya sering melakukan kesilapan ketika menjahit					2	16.6	7	58.3	3	25
	Selepas kad jahit	Saya sering melakukan kesilapan ketika menjahit	10	83.3	2	16.6						
6	Sebelum Kad jahit	Hasil jahitan saya tidak kemas dan tidak cantik					2	16.6	7	58.3	3	25
	Selepas kad jahit	Hasil jahitan saya tidak kemas dan tidak cantik	11	91.6	1	8.3						
7	Sebelum Kad jahit	Penggunaan kain kapas memudahkan proses menjahit	1	8.3	10	83.3	1	8.3				
	Selepas kad jahit	Penggunaan Kad Jahit memudahkan proses menjahit									12	100
8	Sebelum Kad jahit	Saya merasa gembira melihat hasil kerja	11	91.6	1	8.3						
	Selepas kad jahit	Saya merasa gembira melihat hasil kerja									12	100

8.0 PENILAIAN DAN REFLEKSI KESELURUHAN.

Penggunaan kaedah Kad Jahit dapat membantu di dalam meningkatkan hasil kerja murid .

8.1 Refleksi Objektif Pembelajaran.

Secara keseluruhan 100% murid dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran apabila menggunakan Kad Jahit. Hasil jahitan murid menepati dari aspek tepat , teliti dan kemas.

8.2 Refleksi Keseluruhan

Pengenalan kaedah penggunaan Kad Jahit telah menambah baik amalan saya dalam mengajar bidang jahitan ini. Sebelum itu, saya tidak pernah menggunakan Kad Jahit sepanjang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Melalui penggunaan Kad Jahit, saya juga mendapati kaedah pembelajaran koperatif berupaya menunjukkan perkembangan yang positif dari segi penglibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif dalam menjahit jahitan asas. Kajian yang dilakukan oleh Gan Teck Hock (1999) yang mendapati pelaksanaan pembelajaran koperatif telah membawa hasil yang menggalakkan dalam kalangan peserta kajiannya. Kebanyakan peserta kajian ini turut suka bekerja dalam kumpulan.

Sebelum itu, saya tidak pernah menggunakan Kad Jahit sepanjang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Melalui penggunaan Kad Jahit, saya juga mendapati kaedah pembelajaran koperatif berupaya menunjukkan perkembangan yang positif dari segi penglibatan pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Pelajar-pelajar melibatkan diri secara aktif dalam menjahit jahitan asas. Kajian yang dilakukan oleh Gan Teck Hock (1999) yang mendapati pelaksanaan pembelajaran koperatif telah membawa hasil yang menggalakkan dalam kalangan peserta kajiannya. Kebanyakan peserta kajian ini turut suka bekerja dalam kumpulan. .

8.3 Cadangan Kajian

Beberapa cadangan untuk kajian seterusnya adalah seperti berikut :-

- a) Memperbanyakkan Kad Jahit dengan mempelbagikan saiz. Jika kajian ini hanya menggunakan satu sahaja saiz iaitu 2cm setiap jarak. Untuk kajian akan datang menggunakan kad Jahit dengan saiz yang berbeza –beza. Pada aktiviti 1 menggunakan Kad jahit dengan jarak lubang 2cm. Aktiviti 2 pula menggunakan Kad Jahit dengan jarak 1cm.
- b) memasukkan unsur warna dalam kaedah atau teknik pengajaran
- c) Selepas menghasilkan jahitan , murid diberi dengan soalan-soalan yang dapat membantu mereka meningkatkan kefahaman dan daya ingatan.

Hasil dari kajian yang berjaya dilaksanakan , saya dapati terdapat perubahan yang positif dari segi amalan pengajaran guru dan amalan pembelajaran pelajar . Semoga hasil kajian saya ini dapat dimanfaatkan dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, berkesan dan menyeronokkan.

8.4 Kesimpulan Kajian

Tujuan utama kajian ini dirancang adalah untuk melihat keberkesanan penggunaan Kad jahit dalam menghasilkan jahitan. Kajian yang telah berjaya dilaksanakan dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian dan hasil analisis , persoalan-persoalan yang wujud sudah dapat diselesaikan. Kesimpulan dari kajian ini penggunaan Kad Jahit dapat memotivasikan murid untuk lebih yakin dan berani. Melalui kajian ini juga didapati terdapat perbezaan yang ketara terhadap minat murid sebelum dan selepas sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid kelihatan lebih fokus terhadap isi pelajaran. Di samping itu , guru boleh mengawal kelas

kerana tumpuan murid lebih tertumpu kepada penggunaan Kad Jahit. Dengan ini ,objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai dengan jayanya. Kesimpulannya, murid memerlukan sesuatu yang baru dan mempunyai inovasi untuk meningkatkan minat dan kebolehan mereka. Kaedah tradisional hanya membuatkan murid cepat merasa bosan dan kekurangan fokus di dalam kelas.

Rujukan

- Manual Kajian Tindakan . Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia. Hishamuddin Samad dan Nor Aslina Mamat(2006)
- Jurnal Kajian Tindakan , Sekolah - sekolah Negeri Johor Jilid 2/(2009)
- Zain Abd Hamid. (2008) *Pengenalan Kajian Tindakan Di Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia Kuala Lumpur*
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan,Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008).
- Junaidi Bin Ribin .2006. *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Masteri Berbanding Kaedah Pengajaran Tradisional Dalam Mempertingkatkan Prestasi Pelajar Tahun 4 Dalam Mata Pelajaran Kajian Tempatan*: Universiti Malaysia Sabah: Kota Kinabalu, Sabah.
- Mohamad Za'in Bin Dahman .2004. *Meningkatkan Kemahiran Mengembangkan Idea*. Jurnal Kajian Tindakan KSPK Tahun 2004.
- Mohd. Majid Konting .2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muniroh Bt Mahmud .2004. *Meningkatkan Kemahiran Pelajar Menggunakan Alatan Tangan Bagi Pelajar Tingkatan Satu*. . Jurnal Kajian Tindakan Pelajar KSPK Tahun 2004.
- Pusat Perkembangan Kurikulum.2013. *Huraian Sukatan Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi tahun 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahim Jarawi & Jacob George .2004. *Meningkatkan Kemahiran Memaku Dalam Kerja Kayu Di Kalangan Pelajar Perempuan Tahun .* Jurnal KSPK:Maktab Perguruan Perlis: Perlis.
- Manual Kajian Tindakan. Kuala Lumpur: BPPPPDP,KPM.
- Tan et all. (2003). *Kemahiran Hidup Bersepadu Tingkatan 1*. Kuala Lumpur: Percetakan Rina Sdn.Bhd.M.Yunus et all. (2011).
- Shahabuddin, Rohizani & Mohd. Zahir Ahmad.2003.*Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Terbitan Pertama.Malaysia: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Wong Leh Ing.2006.*Bahan Pengajaran Pembelajaran Bermodul:Meningkatkan Penguasaan Kemahiran Penyelesaian Persamaan Linear Satu Anu Di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua*. Projek Sarjana Muda UMS.
- Yahya Emat.1993.Pendidikan Teknik & Vokasional Di Malaysia. *IBS Buku Sdn. Bhd.: Selangor Darul Ehsan, Malaysia*.
- Zaleha Bt Endot .2007. *Keberkesanan Menggunakan Pendekatan Demontrasi Dalam Pengajaran Pembelajaran Kemahiran Hidup Dalam Kalangan Pelajar KPLI PSV (SR)*. Negeri Sembilan: Institut Perguruan Raja Melewar
- Rosinah Edinin (PhD). (2011). *Penyelidikan Tindakan: Kaedah Dan Penulisan Edisi Kedua*. Freemind Horizons Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Chow Fook Meng (PhD) & Jaizah Mah,ud (2011). *Kajian Tindakan : Konsep & Amalan dalam pengajaran*.. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Syed Ismail & Ahmad Subki (2008). *Budaya dan Pembelajaran*. Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.

- Mok Soon Sang (2008) *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi : Murid dan Alam Belajar*. Selangor : Penerbit Multimedia Sdn Bhd
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur
- Pusat Perkembangan Kurikulum , (2013), *Huraian Sukatan Pendidikan RBT Kurikulum Standard Sekolah Rendah*, Kuala Lumpur: PPK
- Pusat Perkembangan Kurikulum, (2013), *Sukatan Pendidikan RBT Kurikulum Standard Sekolah Rendah*, Kuala Lumpur: PPK
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), *Modul Pengajaran Reka Bentuk dan Teknologi tahun 4*, Kuala Lumpur.
- Wan Mahiswandi Wan Ismail , Mohd Rahim Mohd Sharif , Abdul Karim Daud, (2013), *Buku Teks Reka Bentuk Dan Teknologi Tahun 4*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozita Mohd Ali, 2015 , *Temanku DSKP RBT tahun 4* , Selangor Darul Ehsan Penerbitan Bagus Sdn Bhd.
- Nur As'Syifa Nasuha , 2015 , *Fun RBT tahun 4* , Selangor Darul Ehsan : mybook.com Sdn Bhd.